



JMB MC AMANSIARA

Management Office, Level 1, Clubhouse,
Taman Amansiara, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 011-2621 6811 Fax : 03-6731 5149 Web: www.amansiara.org.my

Minit Mesyuarat JMB MC Amansiara (2022/005)

Tarikh : 30hb Mei 2022

Tempat : Bilik Mesyuarat, Pejabat Pengurusan

Masa / Hari : 8.30pm / Isnin

Hadir:

1. Ramesh A/L Sandiran (Pengerusi)
2. Michael Jude (Setiausaha)
3. Wan Muhammad Khairul Anwar bin Ibrahim
4. Lim Soon Cheong
5. Kuah Poh Wei
6. Ng Wai Ket
7. Soo Han Wei
8. Sin Chui Ling (Bendahari)
9. Tam Wei Lun
10. Abdul Salam bin Ahmad Suhaimi
11. Law Siong Guan
12. Sauttary A/P D. Elumalai

13. Alex Gunaseelan (Makmur Services)

Tidak Hadir Tanpa Sebab:

1. Lim Chee Kiong



AGENDA

- (1) Perbincangan dan pengaturan proses tender terbuka.



JMB MC AMANSIARA

Management Office, Level 1, Clubhouse,
Taman Amansiara, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 011-2621 6811 Fax : 03-6731 5149 Web: www.amansiara.org.my

PERMULAAN

Mesyuarat bermula pada jam 8.30 malam dengan ucapan daripada Pengerusi, Encik Ramesh.

PERBINCANGAN

1. Perbincangan Mengenai Proses Tender Terbuka

Encik Ramesh memaklumkan tentang proses tender terbuka yang seharusnya dibincangkan dalam mesyuarat ini terpaksa ditangguhkan buat sementara waktu disebabkan penerimaan dokumen petisyen permohonan untuk mengadakan mesyuarat agung luar biasa (EGM) daripada penduduk yang baru diterima pada 30 Mei 2022. Ini adalah untuk memberi laluan kepada proses verifikasi dokumen petisyen yang dihantar ke pejabat pengurusan dan ketentuan EGM terlebih dahulu.

Ketetapan

- Anggota jawatankuasa yang hadir bersetuju menangguhkan perbincangan tender terbuka sehingga selesainya isu petisyen EGM.

2. Isu Berbangkit

A. Kes Tribunal TPS/B-0066-1/2022 dan TPS/B-0351-1/2022

Encik Ramesh memaklumkan kepada anggota jawatankuasa bahawa terdapat dua (2) kes pendengaran Tribunal yang melibatkan pihak JMB MC Amansiara yang akan didengarkan pada 02 Jun 2022, jam pukul 9 pagi, bertempat di Bilik Pendengaran 4, Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata, Putrajaya.

Encik Lim Soon Cheong mencadangkan Encik Ramesh sebagai pengerusi JMB wajib mewakili pihak JMB untuk menghadiri pendengaran tersebut.





JMB MC AMANSIARA

Management Office, Level 1, Clubhouse,
Taman Amansiara, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 011-2621 6811 Fax : 03-6731 5149 Web: www.amansiara.org.my

Ketetapan

- Anggota jawatankuasa yang hadir bersetuju melantik Encik Ramesh, Pengerusi JMB untuk menghadiri kedua-dua kes pendengaran Tribunal tersebut bagi pihak JMB dan Encik Wan Muhammad Khairul Anwar sebagai pengganti jika Encik Ramesh tidak dapat menghadirkan diri pada masa itu.

B. Petisyen Permohonan Penduduk Untuk Mengadakan Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM)

Kira-kira pukul 9.05 malam, Encik Tam Wei Lun, Encik Law Siong Guan, Encik Abdul Salam, Puan Sin Chui Ling dan Puan Sauttary menyertai mesyuarat.

Encik Ramesh memaklumkan kepada anggota jawatankuasa tentang dokumen tandatangan petisyen yang diserahkan oleh penduduk bernama Loo Chee Shien ke pejabat pengurusan pada 30 Mei 2022. Beliau menerangkan dokumen tersebut hanya diterima selepas pihak peguam JMB mengeluarkan surat balasan kepada penduduk tersebut memaklumkan tiada dokumen sokongan dan/atau bukti dikemukakan sewaktu penghantaran surat petisyen yang mempunyai No. Rujukan: Amansiara/BB/Petisyen/EGM(1).

Encik Ramesh menjelaskan jangka masa selama enam (6) minggu untuk mengadakan mesyuarat tersebut secara sahnyanya akan diambil kira bermula dari tarikh dokumen lengkap petisyen tersebut diterima oleh pihak pengurusan jika anggota jawatankuasa bersetuju dengan permohonan mengadakan EGM tersebut.

Encik Tam Wei Lun membangkitkan persoalan tentang tarikh 19 Jun 2022 mengadakan EGM yang dibenarkan oleh Pesuruhjaya Bangunan (COB) dalam surat bertarikh 25.05.2022 ((20)dlm MPS 3/2-1406/496(TH) Jld.8). Encik Ramesh menegaskan bahawa pihak jawatankuasa pengurusan tidak pernah mengadakan mesyuarat bagi membincang, menghantar wakil serta membuat apa-apa ketetapan berkaitan dengan petisyen tersebut. Surat COB tersebut hanya menyebut bahawa pihak COB menerima makluman tentang perkara EGM dan perkara ini telah merujuk kepada pihak peguam JMB untuk tindakan selanjutnya.





JMB MC AMANSIARA

Management Office, Level 1, Clubhouse,
Taman Amansiara, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 011-2621 6811 Fax : 03-6731 5149 Web: www.amansiara.org.my

Encik Ramesh menerangkan bahawa proses permohonan tersebut hanya akan dipertimbangkan bermula dari tarikh serahan dokumen petisyen lengkap ke pejabat pengurusan, Beliau juga menyebut tentang keperluan untuk membuat verifikasi terperinci atas setiap dokumen petisyen yang diterima untuk memastikan kesahihan pemilik rumah yang mengemukakan petisyen tersebut dan jumlah petisyen perlulah memenuhi kriteria agregat 25% daripada jumlah pemilik taman mengikut peruntukan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).

Encik Law Siong Guan mencadangkan kepada anggota jawatankuasa memulakan proses verifikasi pada hari ini, 30 Mei 2022. Cadangan beliau ditolak kerana proses itu hanya akan dilakukan oleh pejabat pengurusan. Ini untuk mengelakkan 'conflict of interest' di mana ada sebahagian dari anggota jawatankuasa telah terlibat secara langsung dalam proses pengumpulan petisyen tersebut.

Encik Law Siong Guan kemudian mencadangkan supaya anggota jawatankuasa turut bersama wakil penduduk untuk menyemak semua dokumen petisyen tersebut. Encik Ramesh menjelaskan penyemakan kesahihan dokumen petisyen tersebut hanya akan dijalankan oleh pihak pengurusan pada peringkat awal mengikut data pemilik simpanan pejabat pengurusan. Beliau bersetuju untuk membenarkan 2 atau 3 orang wakil penduduk neutral yang tidak melibatkan diri dalam proses penyeliaan dan anjuran pengumpulan petisyen tersebut sahaja dibenarkan untuk menjalankan penyemakan dokumen pada peringkat kedua ke atas senarai nama yang telah di kenal pasti bukan pemilik rumah pada peringkat awal.

Ada beberapa cadangan dikemukakan oleh anggota jawatankuasa untuk tempoh masa verifikasi dokumen dan undian secara mengangkat tangan telah dijalankan;

- a) Cadangan Encik Tam Wei Lun – 3 Hari (1 undian)
- b) Cadangan Encik Law Siong Guan – Pada hari mesyuarat ini (4 undian)
- c) Cadangan Encik Lim Soon Cheong – 7 hari bekerja (7 undian)





JMB MC AMANSIARA

Management Office, Level 1, Clubhouse,
Taman Amansiara, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 011-2621 6811 Fax : 03-6731 5149 Web: www.amansiara.org.my

Encik Law Siong Guan dan Encik Tam Wei Lun bertanyakan tentang penetapan tarikh EGM 19 Jun 2022 untuk ditentukan dalam mesyuarat ini. Encik Ramesh telah menolak permintaan ini kerana perkara ini melibatkan banyak proses dan perlu diteliti terlebih dahulu. EGM akan diadakan di dalam jangkamasa 6 minggu sekiranya memenuhi semua kriteria yang sewajarnya.

Ketetapan

- Seramai 2 (dua) hingga 3 (tiga) penduduk neutral dan tidak terlibat secara langsung dalam petisyen sahaja dibenarkan menghadiri proses verifikasi peringkat kedua untuk menyemak senarai dokumen bukan pemilik dan/atau ditolak tertakluk kepada data pemilik pejabat pengurusan.

C. Status Parkir Terbuka di Jalan 1/8

Encik Ramesh memaklumkan tentang surat Pejabat Hutan Daerah Hulu Selangor bertarikh Mei 2022 (No Rujukan: PHD US: 600-4/1/1 JLD 2 (17)). Beliau memberitahu tentang permohonan untuk melanjutkan tempoh pengosongan dan pembersihan kawasan tersebut telah diluluskan sehingga 31 Mei 2022.

Walaupun bagaimanapun, menurut surat tersebut ketetapan kerja-kerja pembersihan dan memusnahkan penurapan tar di kawasan tersebut perlu diteruskan. Encik Ramesh menjelaskan bahawa dalam perbincangan kali pertama, pegawai Pejabat Hutan Daerah secara lisan telah bersetuju untuk mengecualikan proses tersebut jika pihak JMB mengemukakan permohonan permit sah kegunaan kawasan tersebut sebagai tempat parkir penduduk dalam taman.

Perkara ini akan dirujuk semula kepada pegawai Pejabat Hutan Daerah oleh Encik Ramesh. Encik Soo Han Wei bertanyakan tentang tarikh rujukan yang akan dilakukan dan Encik Ramesh memberi jaminan bahawa perkara ini akan dilakukan dalam masa yang terdekat.

Encik Tam Wei Lun dan Encik Law Siong Guan bertanyakan status permit kegunaan dan/atau kelulusan mana-mana pihak berkuasa setempat pada masa





JMB MC AMANSIARA

Management Office, Level 1, Clubhouse,
Taman Amansiara, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 011-2621 6811 Fax : 03-6731 5149 Web: www.amansiara.org.my

kawasan tersebut dijadikan tempat parkir. Encik Ramesh menjawab perkara ini perlu dirujuk kembali kepada anggota jawatankuasa pada penggal tersebut. Beliau juga menegaskan bahawa perkara yang penting perlu dilakukan pada masa sekarang ialah memohon permit sah daripada pihak berkuasa dan bukan menyoal dan mempertikaikan tanggungjawab pihak terlibat.

Encik Tam Wei Lun juga cuba meminta penjelasan daripada Encik Alex Gunaseelan selaku pembekal khidmat pada penggal itu. Encik Alex menjawab bahawa beliau hanya melaksanakan tugas dan/atau arahan yang diturunkan daripada pihak JMB dan ketetapan sesuatu kerja atau projek adalah di bawah tanggungjawab dan kuasa JMB. Encik Alex juga mengingatkan Encik Tam Wei Lun bahawa beliau juga merupakan antara anggota jawatankuasa pada penggal tersebut.

Ketetapan

- Satu surat rayuan tentang kerja-kerja pembersihan dan memusnahkan penurapan (tar) akan diperpanjangkan kepada Pejabat Hutan Daerah Hulu Selangor.
- Encik Ramesh akan berhubung dengan Pegawai Pejabat Hutan Daerah untuk membincangkan perkara tersebut.

Penutup

Memandangkan keadaan yang tidak kondusif, Encik Ramesh mengumumkan mesyuarat bersurai pada jam 10 malam.





JMB MC AMANSIARA

Management Office, Level 1, Clubhouse,
Taman Amansiara, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 011-2621 6811 Fax : 03-6731 5149 Web: www.amansiara.org.my

Disediakan,

(Michael Jude)
Setiausaha JMB MC Amansiara

Diluluskan oleh:

(Ramesh A/L Sandiran)
Pengerusi JMB MC Amansiara

